



8 Oktober 2015  
8 October 2015  
P.U. (A) 224

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) (NO. 2) 2015

### *MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 2) (AMENDMENT) (NO. 2) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969**

**PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2)  
(PINDAAN) (NO. 2) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) (No. 2) 2015.**

(2) Kecuali bagi subsubperenggan 2(a)(iii), 2(a)(iv), 2(a)(v), 2(c) dan 2(d), Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Mei 2013.

(3) Subsubperenggan 2(a)(iii) dan 2(d) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

(4) Subsubperenggan 2(a)(iv) dan 2(c) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 27 Jun 2014.

(5) Subsubperenggan 2(a)(v) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 Mac 2014.

**Pindaan Jadual**

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [P.U. (A) 184/2013] dipinda—

(a) berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri—

(i) dengan memasukkan dalam ruang “*Perkara*” selepas perkataan “Menyelaraskan isu-isu sosio-ekonomi yang melibatkan pelbagai sektor melalui mesyuarat Majlis Ekonomi” yang terdapat bersetentangan dengan perkataan “Unit Perancang Ekonomi

(UPE)” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan “Penggubalan dan pelaksanaan dasar negara mengenai tenaga”;

- (ii) dengan memasukkan dalam ruang “*Perkara*” selepas perkataan “Memperkuuhkan sumber bekalan tenaga bagi menjamin bekalan tenaga yang berkualiti, andal dan berkesan kos” yang terdapat bersetentangan dengan perkataan “Unit Perancang Ekonomi (UPE)” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan yang berikut:

“Pembangunan industri minyak dan gas

Menyelaras dan memantau operasi Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand”;

- (iii) dengan memotong perkataan “Mahkamah Anak Negeri Wilayah Persekutuan Labuan” dalam ruang “*Jabatan*” dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang “*Perkara*”;
- (iv) dengan memasukkan dalam ruang “*Jabatan*” dan “*Perkara*” selepas perkataan “Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan yang berikut:

“Unit Pembangunan	Pembangunan penjaja dan peniaga kecil kaum Cina di seluruh negara
-------------------	---

Penjaja, Peniaga Kecil dan Wakaf Hindu	Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang
--	---

Bahagian Kampung Baru Cina	Pembangunan Kampung Baru Cina
----------------------------	-------------------------------

Unit Pembangunan SME dan Mikro Kredit	Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kaum Cina dan Program Mikro Kredit yang berkaitan pembangunan PKS Kaum Cina”; dan
(v) dengan memasukkan dalam ruang “ <i>Jabatan</i> ” dan “ <i>Perkara</i> ” selepas perkataan “Unit Pembangunan SME dan Mikro Kredit” dalam ruang “ <i>Jabatan</i> ” perkataan yang berikut:	
“Majlis Profesor Negara	Membantu kegiatan pembangunan ilmiah seperti menggalakkan dan merangsang pembangunan kesarjanaan dan keintelektualan negara melalui program berkaitan yang dijalankan dari semasa ke semasa
Membantu penggubalan dasar negara seperti menganalisis masalah, mengenal pasti risiko dan mengesyorkan pelbagai penyelesaian alternatif kepada kerajaan	
Menjadi penghubung antara kalangan akademia negara dengan pihak kerajaan, industri dan komuniti”; dan	
(b) berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dengan menggantikan perkataan “Penggubalan dan pelaksanaan dasar negara mengenai tenaga” dalam ruang “ <i>Perkara</i> ” dengan perkataan “Memperkuuh sumber bekalan tenaga bagi menjamin bekalan tenaga elektrik yang berkualiti, andal dan berkesan kos”;	